KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	012.03.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPSM			

Tiada pembalakan, pengosongan tanah

Ampang: Hujan lebat berterusan selama beberapa hari dipercayai menjadi punca kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 di sini, kelmarin.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata, berdasarkan tinjauan yang dilakukan di lokasi mendapati tidak ada sebarang aktiviti pembalakan dan pengosongan tanah dilakukan di kawasan terbabit.

"Ini adalah zon kawasan lapang dan tidak ada sebarang aduan kami terima membabitkan sebarang aktiviti di kawasan ini.

"Aduan yang kami terima ini sebelum ini adalah di kawasan sejauh empat kilometer dari lokasi iaitu di Taman Permai namun tiada aduan diterima di kawasan ini.

"Justeru, kita akan memantau keadaan di lokasi ini dari semasa ke semasa," katanya pada sidang media di lokasi kejadian, di sini, semalam.

Amirudin berkata, pihaknya mengarahkan penghuni di 48 rumah membabitkan empat lorong di kawasan taman perumahan itu untuk mengosongkan kediaman masing-masing.

Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan melakukan kajian terperinci dalam tempoh dua hingga tiga hari untuk mengenal pasti sama ada kawasan ini selamat diduduki atau tidak"

Amirudin Shari

"Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan melakukan kajian terperinci dalam tempoh dua hingga tiga hari untuk mengenal pasti sama ada kawasan ini selamat diduduki atau tidak.

"Buat masa ini, pemasangan kanvas akan dilakukan untuk mengelakkan pergerakan tanah terutama ketika hujan dan sebagainya," katanya.